

**Bahagian A: (10 markah)**

*Pilih perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Datuk Salleh menternak ayam di kampung.

menangkap  
menyembelih  
memelihara  
menjual

2. Kakak saya bekerja di bandar.

desa  
pejabat  
kota  
kampung

3. Adik sedang mengira wang di dalam tabung simpanannya.

dolar  
nota  
ringgit  
duit

4. Kuih yang ibu buat itu sangat lazat.

tawar  
sedap  
baik  
mahal

5. Di dalam kandang itu terdapat berbagai jenis binatang.

makanan  
tanaman  
tumbuhan  
haiwan

**Bahagian B: (10 markah)**

*Pilih perkataan yang berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Kawan saya tinggal di selatan Afrika.

timur  
barat  
tengah  
utara

2. Kasim gembira kerana telah menang di dalam peraduan itu.

tewas  
berjaya  
maju  
rosak

3. Dalam air sungai itu ada sebuah peti usang.

cetek  
masuk  
keruh  
luar

4. Harga baju kurung itu sangat mahal.

cantik  
untung  
murah  
sederhana

5. Saya mempunyai seorang adik lelaki.

teruna  
adinda  
perempuan  
pemudi

**Bahagian C: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong ini dengan perkataan berimbuhan yang sesuai.*

mandikan	terjatuh	penjaga
mendengar	memakai	mengemas

1. Abu  setelah terpijak sabun mandi di atas lantai itu.
2. Bapa tertidur sewaktu  radio.
3. Siti gembira dapat  baju baru yang ibu belikan untuknya.
4. Emak menyuruh saya  adik.
5. Kakak rajin  rumah.

**Bahagian D: (10 markah)**

*Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini. Kemudian, tulis abjad jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

a. huru-hara	d. epok-epok
b. buai-buai	e. pokok-pokok
c. anai-anai	f. bercita-cita

1. Adik  untuk menjadi seorang peguam.
2. Tiang kayu itu hampir reput dimakan oleh .
3. Orang tua itu menebang semua  yang tumbuh di belakang rumahnya.
4. Salmah suka main .
5. Ibu gemar makan .

**Bahagian E : (10 markah)**

*Berikan makna yang betul bagi peribahasa yang bergaris bawah dalam tiap-tiap butiran berikut.*

1. Orang yang kepala batu akan merugikan dirinya sendiri.

tidak mahu mengikut nasihat  
tidak mahu bercakap benar  
tidak mahu memakai alas kepala

- tidak mahu bekerja
2. Orang kaya itu tidak disukai oleh orang-orang kampung kerana dia tangkai jering.

sombong  
cerewet  
pelokek  
boros

3. Semua murid-murid sangat takut kepada Cikgu Ali kerana dia panas darah.

suka memukul  
gemar berleter  
mudah melatah  
mudah marah

4. Perangai anak perempuannya yang kutu embun itu merisaukan hati Mak Limah.

pandai mencari helah  
suka menghasut  
tidak dapat mengenali sesuatu yang buruk ataupun baik  
suka keluar hingga larut malam

5. Aminah dimarahi oleh guru kerana tulisannya seperti cakar ayam.

orang yang tidak tahu menulis dan membaca payah untuk dibaca  
tulisan yang buruk dan payah untuk dibaca  
tulisan yang halus  
orang yang degil

**Bahagian F : (10 markah)**

*Susun semula frasa-frasa/perkataan-perkataan di bawah ini supaya menjadi ayat-ayat yang sempurna.*

1. Emak menghiris bawang besar.  
Emak berbual-bual dengan kakak.

2. Abang mencuci kemejanya sekali lagi.

3. Asma tinggal di Bedok.  
Anita tinggal di Bedok.
4. Buku cerita Kumar tebal.  
Buku cerita Lilin tipis.
5. Kakak hendak memakai baju biru?  
Kakak hendak memakai baju kuning?

**Bahagian G : (10 markah)**

*Isikan tempat kosong ini dengan perkataan yang sesuai.*

Kadar  yang rendah tidak bermakna tiada jenayah. Inilah  yang diberikan oleh pihak polis. Kita harus sentiasa berwaspada. Di antara cara-cara untuk menghindarkan berlakunya jenayah ialah dengan tidak membiarkan  dan tingkap terdedah tanpa diawasi, berjalan sendirian di tempat-tempat yang sunyi atau gelap, berbual dengan orang-orang yang tidak dikenali  sebagainya. Ingatlah, kita boleh  pihak polis untuk membenteras jenayah.

**Bahagian H : (10 markah)**

*Sambungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini dengan menggunakan kata penghubung yang sesuai supaya menjadi ayat yang sempurna.*

1. memasak / emak / pandai / saya

2. belajar bersungguh-sungguh / dengan / kita harus / lulus / cemerlang / jika ingin / ujian

3. menangis / mengapakah / itu / perempuan / budak

4. itu / seumur hidup / penjara / penjenayah / dihukum / telah

5. menjamu / lauk-pauk / itu / para tetamu / ibu / yang / dengan / sedap-sedap

**Bahagian I : (10 markah)**

*Baca potongan karangan ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.*

Pada hari Ahad yang lalu, Zakir telah tidur jauh lewat malam. Pada keesokan harinya, Zakir telah terlewat bangun. Dia tergopoh-gapah bersiap sedia untuk ke sekolah.

Setelah sarapan, Zakir bergegas ke stesen perhentian bas. Kerana terlalu gopoh, Zakir telah terlupa untuk membawa buku kerja rumahnya yang diletakkan di atas meja dapur. Dia mengejar bas yang tiba di stesen perhentian bas tersebut tetapi belum sempat sampai ke situ, bas itu telah pun berlalu. Zakir terpaksa menunggu ketibaan bas yang lain. Akibatnya, Zakir terlewat sampai ke sekolah.

Tiba di kelas, guru telahpun memulakan pelajarannya. Zakir meminta maaf kepada gurunya dan berjanji tidak akan mengulangi kesilapannya itu. Guru Zakir memaafkannya tetapi Zakir tetap didenda kerana tidak membawa buku kerja rumahnya.

1. Mengapakah Zakir terlewat bangun pagi?

2. Apakah yang dilakukan oleh Zakir setelah sarapan pagi?

3. Apakah yang terjadi setelah Zakir tiba di situ?

4. Di manakah buku kerja rumah Zakir?

5. Mengapakah Zakir didenda oleh gurunya?

**Bahagian J : (10 markah)**

*Baca potongan karangan ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.*

Setiap negara mempunyai undang-undangnya yang tersendiri. Di Singapura juga terdapat berbagai undang-undang. Di antaranya adalah orang ramai dilarang merokok di tempat-tempat awam dan tempat-tempat berhawa dingin, dilarang meludah sembarangan, dilarang membuang sampah sembarangan, dilarang menyeberang sembarangan dan macam-macam lagi.

Jika kita tidak mengikuti undang-undang, kita akan didenda. Misalnya, kita boleh disuruh membayar denda, dipenjarakan atau sebagainya.

Undang-undang sangat penting di dalam hidup kita. Ini kerana undang-undang dapat memastikan keselamatan dan ketenteraman hidup kita. Tanpa undang-undang, hidup kita akan menjadi huru-hara. Oleh itu, patuhilah undang-undang.

1. Setiap negara mempunyai

tempat-tempat berhawa dingin.  
undang-undang yang betul.  
undang-undangnya yang tersendiri.  
undang-undang dan denda.

2. Di Singapura orang ramai dilarang \_\_\_\_\_ di tempat-tempat awam dan berhawa dingin.

membuang sampah  
meludah

membayar denda  
merokok

3. Mengapakah orang ramai dilarang meludah atau membuang sampah sembarangan?

kerana boleh menyesakkan jalan  
kerana boleh mengganggu keamanan  
kerana boleh mengotorkan tempat dan mengakibatkan penyakit

4. Apakah yang akan berlaku jika kita tidak mematuhi undang-undang?

didenda  
dibuang kerja  
dilarang pulang  
tidak dibenarkan merokok

5. Mengapakah kita harus mematuhi undang-undang?

kerana ia dapat memastikan kesejahteraan hidup kita  
kerana ia tidak begitu penting  
kerana tanpanya kita akan mati  
kerana jika tidak, kita akan dipenjarakan